

NAHDAH

BERITA WADAH PENCERDASAN UMAT MALAYSIA



WWW.WADAH.ORG.MY

TUNAS NAHDAH PARLIMEN SEPANG

PROGRAM KEIBUBAPAAN OSEM

Sepang, 4 Januari 2025 – Program Keibubapaan OSEM anjuran Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) telah berjaya dilaksanakan dengan kehadiran lebih 50 peserta terdiri daripada ibu bapa, pendidik, dan sukarelawan.



Program ini bertujuan untuk memperkasa ibu bapa dengan pengetahuan dan kemahiran dalam mendidik anak-anak secara holistik, khususnya dalam menghadapi cabaran era digital.

Antara pengisian utama program ialah Ceramah Motivasi, Bengkel Interaktif dan Sesi Soal Jawab. Penganjur turut menekankan pentingnya program seperti ini dalam membimbing ibu bapa menjadi pendidik pertama dan terbaik untuk anak-anak mereka. Para peserta memberikan maklum balas positif terhadap pengisian program yang dianggap relevan, praktikal, dan memberi inspirasi. Program ini diakhiri dengan harapan agar usaha seperti ini dapat diteruskan untuk membina keluarga yang sejahtera dan masyarakat yang harmoni.



KULIAH KHAS: MANZUMAH MAQASID BERSAMA USTAZ FAUWAZ FADZIL



KAJANG, 5 Januari 2025 - Kuliah Manzumah Maqasid bersama Ustaz Fauwaz Fadzil telah berlangsung dengan jayanya di Markaz Al-Qaradhagi, Bukit Mahkota, dianjurkan oleh Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) dan Pertubuhan SALWA Malaysia. Program ini dihadiri lebih 30 peserta dari pelbagai latar belakang, termasuk pelajar, pendidik, dan aktivis dakwah.

Kuliah ini bertujuan memberikan kefahaman mendalam tentang prinsip Maqasid al-Shariah (tujuan syariah) dan penerapannya dalam kehidupan semasa.

TUNAS NAHDHAH PARLIMEN SEPANG KEIBUBAPAAN OSEM DI KAMPUNG JENDERAM HULU



9 Januari 2025 - Program telah berlangsung dengan jayanya pada 9 Jan 2025 di Kampung Jenderam Hulu, melibatkan penyertaan seramai 40 orang ahli komuniti kampung. Program ini turut mendapat sokongan dan penglibatan aktif daripada Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Jenderam Hulu, yang bersama-sama menjayakan aktiviti sepanjang program.

MESYUARAT BIL. 1 SEKRETARIAT WADAH PUSAT

Bangi, 6 Januari 2025 - Mesyuarat Sekretariat Wadah Pusat (WADAH) telah diadakan dengan jayanya di Anjung Rahmat, dihadiri oleh pegawai Sekretariat termasuk Setiausaha Agung WADAH. Mesyuarat diadakan bertujuan menyelaras perancangan strategik dan memperkuuh pelaksanaan program bagi tahun 2025.



PERTEMUAN BERSAMA PENGERUSI MARA DATUK WIRA DR. ASYRAF WAJDI BIN DATO' HAJI DUSUKI

KUALA LUMPUR, 9 Januari 2025 - Pimpinan WADAH dan persatuan Al-Bab telah mengadakan pertemuan rasmi bersama Pengerusi MARA, Datuk Wira Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Haji Dusuki di Kuala Lumpur. Pertemuan ini bertujuan untuk memperkuuhkan kerjasama strategik antara kedua-dua pihak dalam usaha memperkasa pendidikan, pembangunan belia, dan ekonomi ummah.

Setiausaha Agung menekankan kepentingan sinergi dan kesungguhan dalam memastikan visi dan misi WADAH terus tercapai. Beliau turut menyeru setiap anggota sekretariat untuk memainkan peranan aktif dalam menjayakan perancangan yang telah dirangka. Mesyuarat ini diakhiri dengan sesi rumusan dan komitmen daripada semua peserta untuk melaksanakan tugas yang telah diamanahkan dengan penuh tanggungjawab.



PERTEMUAN BERSAMA WAKIL PERTUBUHAN IKRAM

9 Januari 2025 – Pertemuan antara pimpinan WADAH dan Pertubuhan IKRAM telah diadakan di pejaga WADAH pada 9 Januari 2025 dengan tujuan memperkuatkan sinergi antara kedua organisasi. Pertemuan ini dihadiri oleh wakil pimpinan utama dari kedua pihak.



PERTEMUAN PRESIDEN WADAH DAN DATO' HAJI NOOH GADUT

Presiden WADAH, Dato' Ahmad Azam Ab Rahman, telah mengadakan pertemuan bersama Dato' Haji Nooh Gadut bertempat di Kuala Lumpur. Pertemuan ini bertujuan memperkuatkan hubungan kerjasama dan membincangkan isu-isu strategik berkaitan dakwah dan pembangunan masyarakat.

Dalam pertemuan tersebut, kedua-dua pihak menekankan pentingnya sinergi antara institusi dan individu dalam usaha membangun umat yang berwawasan dan berakhhlak. Dato' Haji Nooh Gadut turut berkongsi pandangan mengenai cabaran semasa dakwah dan memberikan saranan untuk meningkatkan impak program-program keagamaan.



PERTEMUAN BERSAMA ALUMNI PELAJAR MESIR



Pertemuan bersama alumni pelajar Mesir telah diadakan bertempat di restoran Uygur Saray. Pertemuan ini menghimpunkan beberapa alumni dari pelbagai latar belakang untuk memperkuatkan ukhuwah serta membincangkan peranan mereka dalam melatih pelajar-pelajar di Mesir dalam medan dakwah.

Turut hadir Dato' Hj Shamsul Najmi Bin Hj Shamsuddin, Pegawai Hal Ehwal Pelajar, Kementerian Pengajian Tinggi di Mesir.

PIMPINAN WADAH HADIR KE PROGRAM PERSATUAN CABANG ISTIMEWA MUHAMMADIYAH (PCIM) MALAYSIA



12 Januari 2025 – Pimpinan WADAH telah hadir memeriahkan program anjuran Persatuan Cabang Istimewa Muhammadiyah (PCIM) Malaysia yang berlangsung di Batu Caves, Selangor pada 12 Januari 2025. Kehadiran ini mencerminkan hubungan erat antara kedua-dua organisasi dalam usaha memperkuatkan kerjasama serantau. Dr Md Nur Ketua MIW menyampaikan cenderamata dari Wadah kpd Ust Fauzi Fathur Ketua PCIM Malaysia.



TUNAS NAHDHAH PARLIMEN GOMBAK

SESI BICARA KEIBUBAPAAN



12 Januari 2025, Bt. 11, Jalan Gombak - Sesi Bicara Santai Keibubapaan bersama2 komuniti Bt 6-12 Jalan Gombak antara Nahdah Parlimen Gombak & Pusat Akar Budi. Sesi yang bermula dari jam 8:45 pagi - 10 pagi telah dihadiri oleh 15 orang kaum Ibu yang dibimbing oleh Puan Martinelli Hashim dan Megat Mohd Azlan Md Arshad. Sesi berakhir dengan penyampaian sekampit beras kepada peserta yg hadir dari Pusat Akar Budi.

SERAHAN SUMBANGAN BANJIR DARI PUSAT INFAQ WADAH

11 Januari 2025 di Dewan Anjung Rahmat- Pusat Infaq WADAH telah membuat sumbangan kepada mangsa banjir di sekitar Anjung rahmat.



PROGRAM TUNAS NAHDAH PARLIMEN LUMUT



11 Jan 2025, SITIAWAN-Program Tunas Nahdah WADAH di Masjid Ar Rahmaniah, Kg. Sungai Wangi. Kuliah di sampaikan oleh Ust. Zulkifli Ahmad, Ahli Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak. 102 orang kampung berkenaan hadir meraikan kuliah ini. Pihak pengajur meraikan peserta dengan cabutan bertuah selepas sesi kuliah.



Seterusnya program agihan Pek Ceria Dapur telah dijalankan di Kampung Bharu (L), Ayer Tawar. Sumbangan pek bantuan telah diagihkan kepada keluarga yang memerlukan, sebagai usaha meringankan beban kehidupan harian mereka. Program ini berjaya dilaksanakan dengan kerjasama sukarelawan dan sokongan masyarakat setempat.

Penganjuran kedua-dua program ini berharap inisiatif seperti ini dapat terus menyemai semangat kebersamaan dan memberi manfaat kepada masyarakat, selaras dengan nilai-nilai murni yang diperjuangkan.



MENGHADAM AMANAT PRESIDEN WADAH PERAK



Perak, 10 Januari 2025 - Program Menghadam Amanat Presiden anjuran Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) telah berlangsung dengan jayanya di Seri Al- Ummah, Perak. Program ini dihadiri oleh pelbagai lapisan ahli WADAH serta aktivis masyarakat yang komited terhadap perjuangan memartabatkan ummah. Slot ini disampaikan oleh Setiausaha Agung WADAH, En. Azizuddin Ahmad. Sesi ini berlangsung secara hibrid dengan kehadiran fizikal seramai 30 orang peserta dan 23 orang lagi mengikuti melalui aplikasi Zoom Meeting.

PROGRAM KOMUNITI TUNAS NAHDAH PARLIMEN GOMBAK



10 Januari 2025 - Surau Hidayah Estana Court, Kg Pasir, Hulu Klang. Aktiviti pertama Nahdah Parlimen Gombak bersama2 komuniti wanita Kg. Pasir telah mengadakan Kelas al-Qur'an. Ianya telah dihadiri sekitar 20 orang yg turut disertai oleh Salwa Wilayah Persekutuan. Sesi ini akan diadakan secara mingguan dan akan dikembangkan kepada golongan belia dan remaja. Ianya merupakan satu permulaan yang baik untuk Wadah hadir di tengah-tengah umat bagi membina masyarakat Madani yang sejahtera.

MENGHADAM AMANAT PRESIDEN WADAH JOHOR



JOHOR BHARU, 5 Januari 2025 – Program Menghadam Amanat Presiden anjuran Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) telah berlangsung dengan jayanya di Kompleks Pendidikan Al- Hikmah, Johor Bharu. Program ini dihadiri oleh pelbagai lapisan ahli WADAH serta aktivis masyarakat yang komited terhadap perjuangan memartabatkan ummah.

MENGHADAM AMANAT PRESIDEN WADAH KEDAH DAN INDUKSI PIMPINAN WAP KEDAH 2025: MISI MEMPERKUKUHKAN SAF DAN MEMBANGUN MALAYSIA MADANI



Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) Negeri Kedah dengan kerjasama ABIM dan PKPIM telah menganjurkan program Induksi Pimpinan WAP Kedah 2025/2026 selama tiga hari, bermula 2 Januari hingga 4 Januari 2025. Program yang bertempat di Kompleks Madrasah Mustafawiyah, Tanjung Kapur, Jitra, Kedah, berjaya menghimpunkan seramai 200 orang hadirin, termasuk pimpinan dan ahli daripada pelbagai lapisan.

Dengan tema “Memperkuatkan Saf, Menggerak Nahdah Umat Bersama Membangun Malaysia Madani”, program ini bertujuan menyatukan fikrah pimpinan WADAH, ABIM, dan PKPIM Kedah serta seluruh jawatankuasa bagi menggerakkan naratif dakwah baharu dan menyumbang kepada pembangunan negara melalui konsep Malaysia Madani.

Kemuncak program ini adalah Majlis Menghadam Amanat Presiden, yang berlangsung pada pagi 4 Januari 2025. Timbalan Presiden WADAH, YBhg. Ustaz Hasri bin Harun hadir memberi ucapan bertemakan hala tuju kepimpinan dan misi ummatik dalam konteks geopolitik dan dakwah masa kini. Presiden ABIM dan pimpinan PKPIM turut hadir menyampaikan ucapan dalam majlis tersebut.



MENGHADAM AMANAT PRESIDEN WADAH KELANTAN & PELANCARAN PUSAT TUNAS NAHDAH PARLIMEN TANAH MERAH



17 Januari 2025,- KELANTAN - WADAH Kelantan telah menganjurkan program bertempat di Tanah Merah melibatkan dua acara utama: sesi menghadam amanat Presiden serta pelancaran Pusat Tunas Nahdah parlimen Tanah Merah. Dalam sesi Menghadam Amanat Presiden di Wadah Kelantan, Presiden Dato' Ahmad Azam Ab Rahman menekankan beberapa perkara utama, termasuk kepentingan perpaduan ummah dalam menghadapi cabaran semasa, peranan generasi muda sebagai pemangkin pembangunan ummah dan strategi memperkuatkannya ekonomi komuniti melalui pendekatan berteraskan syariah. Presiden turut merasmikan Pusat Tunas Nahdah yang bertujuan menyediakan ruang pembelajaran, pembangunan sahsiah, dan aktiviti kemasyarakatan bagi komuniti setempat.

BENGKEL PEMBANGUNAN INSAN SEJAHTERA



16 Jan 2025, Seremban - Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) telah memulakan Program Bina Insan Sejahtera 2025 anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan penuh semangat dan dedikasi. Bertempat di Bilik Mekar 1, IPGM Kampus Raja Melewar, YBhg Dato' Ahmad Azam Abdul Rahman, Presiden Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) hadir menyampaikan ceramah bertajuk "Misi Ummatik Dalam Menghadapi Cabaran Geopolitik Dunia".

MESYUARAT KHAS UNTUK PEMBANGUNAN SEMULA GAZA PASCA GENCATAN SENJATA

19 Januari 2025, Kuala Lumpur-Susulan pengumuman gencatan senjata antara Hamas dan Israel pada 15 Januari 2025 yang lalu, Encik Khairudin Bin Abas, yang mewakili Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH), telah hadir ke mesyuarat khas bertempat di Pejabat Presiden Pertubuhan IKRAM Malaysia. Mesyuarat ini merupakan usaha penting untuk membincangkan langkah-langkah pembinaan semula Gaza yang telah terjejas teruk akibat konflik bersenjata.



BICARA NAHDAH NEGERI PERAK



19 Jan 2025, Ahad – Presiden Wadah, Dato' Ahmad Azam Abd Rahman, menyeru ahli-ahli Wadah, ABIM, dan KPIP untuk bekerja keras dalam menggerakkan kesedaran, bukan sahaja dalam kalangan ahli, tetapi juga masyarakat akar umbi. Beliau menegaskan kepentingan usaha kolektif bagi membantu mengangkat martabat Islam sebagai agama yang membawa rahmat dan kesejahteraan di negara ini.

Beliau turut mengingatkan bahawa perkembangan kebangkitan Islam di Afghanistan, Syria, Bangladesh, dan Gaza harus dilihat sebagai petanda awal sinar kemenangan yang positif. Namun, untuk mengembalikan kegemilangan kekhilafahan Islam, umat Islam hari ini perlu berusaha keluar dari perangkap kejahlilan, kemiskinan, dan perpecahan, yang telah dirancang sekian lama oleh musuh-musuh Islam.

Dalam syarahannya yang bertajuk "Misi Ummatik Dalam Menghadapi Cabaran Geopolitik", Dato' Ahmad Azam menekankan pentingnya kesedaran geopolitik dalam kalangan umat Islam sebagai asas membina kekuatan ummah. Syarahan tersebut disampaikan di Sekretariat ABIM Perak, Meru Perdana, Ipoh, dan mendapat sambutan hangat daripada para hadirin.

Beliau mengakhiri syarahan dengan menyeru umat Islam agar bersatu dan melangkah ke hadapan dengan visi yang jelas untuk merealisasikan kebangkitan Islam yang penuh dengan rahmat dan keadilan.



KETUA MIW DIANUGERAHKAN “DIAMOND AWARD”



Alhamdulillah, pada 18 Januari 2025 (Sabtu), Ketua Majlis Istisyari Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH), Profesor Dato' Dr. Muhammad Nur Manutu, telah dianugerahkan “Diamond Award” sempena Majlis Anugerah Kecemerlangan Akademik yang dianjurkan oleh Muslim Convert Association of Singapore (MCAS).

Penghargaan ini diberikan sebagai pengiktirafan atas sumbangan besar beliau dalam bidang pendidikan, pemikiran Islam, serta usaha dakwah di peringkat serantau dan antarabangsa.

MESYUARAT HIKAM BINCANG PEMBANGUNAN SEMULA GAZA



Kajang, 31 Januari 2025 – Satu mesyuarat anjuran gabungan Himpunan Gerakan Islam Malaysia (HIKAM) telah diadakan bagi membincangkan usaha pembangunan semula Gaza. Mesyuarat berlangsung dari jam 10.15 hingga 11.30 pagi di Pejabat IKRAM dengan kehadiran wakil daripada WADAH, IKRAM, HALUAN, ABIM/GPM, dan MyCARE.

Dalam mesyuarat tersebut, semua entiti bersetuju untuk meneruskan projek masing-masing yang sedang dilaksanakan di Gaza. Bagi memastikan penyelarasan yang lebih baik, satu lagi mesyuarat akan diadakan untuk mengumpulkan maklumat mengenai projek-projek sedia ada.

Selain itu, mesyuarat turut mencapai konsensus untuk melaksanakan projek bersama di bawah nama HIKAM. Dua bidang utama telah dikenalpasti sebagai fokus utama untuk projek bersama ini, iaitu Pendidikan dan Sara Hidup (Livelihood). Usaha ini bertujuan untuk memastikan masyarakat Gaza mendapat akses kepada pendidikan berkualiti serta peluang ekonomi yang mampan bagi meneruskan kehidupan mereka dalam keadaan yang mencabar.

Mesyuarat ini mencerminkan komitmen tinggi daripada pelbagai organisasi kemanusiaan di Malaysia untuk terus menyokong Gaza dalam menghadapi cabaran pemuliharaan selepas konflik.



USAHA MEMPERKASA PENDIDIKAN ISLAM: DR. HALIM MUHAMMADI LAWAT PUSAT TUNAS NAHDHAH TANAH WAKAF

TANAH MERAH, 25 Januari 2025 – Pusat Tunas Nahdah Tanah Wakaf terus berkembang sebagai pusat pendidikan Islam dengan perancangan penubuhan kelas tahfiz, selain program sedia ada seperti kelas Tafaqquh untuk golongan dewasa.

Dalam lawatan ke pusat tersebut, Dr. Halim Muhammadi berbincang bersama WADAH Tanah Merah mengenai inisiatif menuuhkan kelas tahfiz bagi memenuhi keperluan masyarakat setempat. Turut hadir ialah Pengerusi WADAH Kelantan, Ustaz Faisal Abdullah, Timbalan Pengerusi WADAH Kelantan, Ustaz Mohd Amin Abdullah, serta Pengerusi PKPIM Kelantan, Sdr. Amir Firhan Rosli, bersama barisan Jawatankuasa WADAH Tanah Merah.

WADAH ZIARAH KELUARGA ALLAHYARHAM CIKGU KHALID

Langkawi, 24 Januari 2025 – Sebelum bermulanya persidangan Majlis Setiausaha Wadah (MASUWA) 2025, wakil Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) telah mengadakan ziarah ke rumah keluarga Allahyarham Abdul Khalid Bin Abdullah di Langkawi sebagai tanda penghormatan dan ingatan terhadap jasa serta sumbangan beliau kepada jemaah dan masyarakat.



PERSIDANGAN MAJLIS SETIAUSAHA WADAH (MASUWA) 2025 DI LANGKAWI



Langkawi, 26 Januari 2025 – Persidangan Majlis Setiausaha Wadah (MASUWA) 2025 yang berlangsung dari 24 hingga 26 Januari 2025 di Villa Sawah, Langkawi, telah berjaya menarik perhatian dengan penglibatan Setiausaha dan Penolong Setiausaha dari 14 negeri. Persidangan kali pertama bagi sesi 2024-2027 ini bertujuan untuk memperkuuh jaringan kerjasama di kalangan pemimpin serta membincangkan pelbagai agenda penting untuk hala tuju masa depan organisasi.

Pelbagai sesi perbincangan dan bengkel diadakan sepanjang persidangan ini, di mana peserta diberikan peluang untuk menilai pencapaian semasa, memperhalusi strategi baharu, serta menyelaraskan usaha bersama untuk memperkasakan matlamat dan visi organisasi. Sesi-sesi ini memberi tumpuan kepada inovasi dan penyelesaian kepada cabaran-cabaran yang dihadapi oleh organisasi dalam era globalisasi.

Persidangan bermula pada 24 Januari dengan sesi pendaftaran dan ucapan aluan, diikuti oleh Sidang Khas bersama Presiden pada malamnya. Aktiviti ini menyediakan landasan untuk membincangkan visi strategik bagi organisasi.



KULIAH SUBUH DAN MAGHRIB YANG DISAMPAIKAN OLEH SETIAUSAHA WADAH NEGERI



Sempena Persidangan Majlis Setiausaha Wadah (MASUWA) yang berlangsung dari 24 hingga 26 Januari 2025, dua sesi kuliah utama telah diadakan bagi memperkuat pemahaman dan kesedaran peserta terhadap peranan gerakan Islam dalam masyarakat.

Kuliah Subuh telah disampaikan oleh Setiausaha WADAH Sabah, En. Hassanudin Guliling, yang menekankan kepentingan tarbiah dalam membentuk generasi kepimpinan yang berintegriti dan berwawasan. Beliau menegaskan bahawa kesedaran rohani dan intelektual adalah kunci kepada kejayaan sesuatu gerakan Islam dalam menghadapi cabaran masa kini.

Sementara itu, Kuliah Maghrib disampaikan oleh Penolong Setiausaha WADAH Perak, En. Rahman Darus. Dalam kuliahnya, beliau membincangkan tema "Gerakan Tajdid & Perubahan Sosial", menyoroti peranan WADAH dalam membawa islah kepada masyarakat melalui pendidikan dan kebajikan.

BBQ DAN MERAIKAN WADAH LANGKAWI



Sebagai sebahagian daripada Persidangan Majlis Setiausaha Wadah (MASUWA) 2025, satu sesi santai BBQ telah diadakan bagi meraikan ahli senior WADAH Langkawi. Majlis yang berlangsung dalam suasana penuh ukhuwah ini bertujuan menghargai jasa dan sumbangan para veteran dalam perjuangan dakwah dan pendidikan Islam. Acara ini turut dihadiri oleh pimpinan dan ahli WADAH dari pelbagai negeri, yang mengambil kesempatan untuk beramah mesra serta bertukar pandangan dengan para senior yang telah lama berkhidmat dalam gerakan ini. Selain menikmati hidangan BBQ, majlis turut diisi dengan sesi perkongsian pengalaman oleh ahli senior, yang memberi inspirasi kepada generasi baharu untuk terus istiqamah dalam perjuangan membangunkan masyarakat melalui pendekatan islah dan tajdid.

WADAH MENERIMA KUNJUNGAN HORMAT YADIM SEBAGAI LANGKAH PERKASA DAIE MUDA




BANGI, 27 Januari 2025 – Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), melalui Bahagian Pembangunan Du'at, telah mengadakan lawatan kunjung hormat ke Persatuan Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) di Anjung Rahmat, Sg. Merab Luar, Bangi. Lawatan ini bertujuan memperkuuh rangkaian dan kerjasama strategik antara kedua-dua organisasi, khususnya dalam usaha penempatan Pelatih Akademi Daie Muda YADIM (ADMY) untuk pembelajaran dan pembangunan kemahiran dakwah di lapangan.

Delegasi YADIM diketuai oleh Puan Rohaizah binti Jawahir, Pengarah Bahagian Pembangunan Du'at, bersama Ustaz Muhammad Ashraf bin Ab Malek, serta tiga pegawai iaitu Encik Am Iskandar bin Masnan, Puan Liyana Nasuha binti Mazli, dan Puan Noraini binti Ibrahim. Kehadiran WADAH pula diwakili oleh Tuan Haji Azizuddin Ahmad, Setiausaha Agung WADAH, dan Puan Arina Abd Ghani.

Antara agenda utama pertemuan ini adalah perbincangan mengenai penempatan pelatih ADMY selama 21 hari yang dijadualkan pada bulan Julai 2025. Program ini dirangka untuk memberi peluang kepada pelatih ADMY meningkatkan kemahiran dakwah melalui pengalaman praktikal dalam pelbagai aktiviti anjuran WADAH di lapangan.

Pihak WADAH menyambut baik lawatan ini dan memuji usaha YADIM dalam melahirkan generasi pelapis dakwah yang berkualiti. Tuan Haji Azizuddin turut menyatakan keyakinan bahawa kerjasama ini akan memberi impak positif kepada kedua-dua pihak dalam memperkasakan usaha dakwah, bukan sahaja di peringkat nasional tetapi juga di peringkat antarabangsa.

TIMBALAN PRESIDEN WADAH MENGISI DALAM USRAH UMUM PKPIM SEMPENA ISRAK DAN MIKRAJ



27 Jan 2025- Timbalan Presiden WADAH, Ustaz Hasri Harun, telah menyampaikan pengisian dalam Usrah Umum anjuran Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) sempena Israk dan Mikraj dengan tajuk "Menghayati Ibrah Israk Mikraj Buat Para Duat".

Dalam penyampaiannya, beliau menekankan hikmah dan pengajaran peristiwa Israk dan Mikraj sebagai inspirasi bagi para pendakwah (du'at) dalam menghadapi cabaran dakwah masa kini. Antaranya, kepentingan istiqamah, kekuatan iman, dan keteguhan dalam membawa risalah Islam seperti yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW. Usrah yang berlangsung secara atas talian ini mendapat sambutan baik daripada peserta, yang turut berkongsi pandangan serta refleksi terhadap peranan pendakwah dalam masyarakat. Sesi berakhir dengan perbincangan interaktif dan kesimpulan mengenai penerapan ibrah Israk Mikraj dalam kehidupan seharian.

KUNJUNGAN HORMAT YAS DATUK KETUA PESURUHJAYA APM KE ANJUNG RAHMAT PUSAT DAKWAH DAN TARBIAH WADAH



27 Januari 2025 - Sekitar sesi kunjungan hormat dari YAS Datuk KPj. (PA) Aminurrahim bin Mohamed, Ketua Pesuruhjaya Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) bertempat di Anjung Rahmat Pusat Dakwah dan Tarbiah Wadah.

Dalam kunjungan tersebut, YAS Datuk Ketua Pesuruhjaya APM telah membuat tinjauan kemudahan dan peralatan fasiliti pejabat tersebut.

Turut hadir, Tuan Hj. Azizudin Ahmad, Setiausaha Agung Wadah Pencerdasan Umat Malaysia, Puan Latifah Ulfa binti Ismail, Pengurus Pusat Latihan Anjung Rahmat dan Pegawai Kanan APM.

MESYUARAT AGUNG PERTUBUHAN MURABBI MADANI 2025 BERLANGSUNG DI OUTREACH OASIS BUKIT BINTANG



Kuala Lumpur, 1 Februari 2025 – Mesyuarat Agung Pertubuhan Murabbi Madani telah diadakan dengan jayanya bertempat di Outreach Oasis Bukit Bintang, Kuala Lumpur. Mesyuarat ini menghimpunkan para ahli serta pemimpin pertubuhan bagi membincangkan hala tuju organisasi dalam usaha memperkuuh pendidikan dan nilai-nilai madani di Malaysia.


Antara agenda utama mesyuarat ini termasuk pembentangan laporan tahunan, pemilihan kepimpinan baharu, serta perbincangan strategi memperkasa program pembangunan insan. Turut hadir adalah tokoh akademik, pemimpin masyarakat, dan wakil daripada institusi pendidikan Islam.

Mesyuarat ini menegaskan komitmen untuk terus memainkan peranan sebagai pemangkin dalam membentuk generasi berilmu, berakhhlak, dan berdaya saing selaras dengan aspirasi Malaysia Madani.



PERASMIAN TAMRIN SALWA WILAYAH PERSEKUTUAN

Sepang, 22 Januari 2025 – Tamrin SALWA Wilayah Persekutuan telah dirasmikan pada hari Rabu, jam 11 pagi, bertempat di Villa Arasy. Majlis perasmian disempurnakan oleh Pengerusi SALWA MALAYSIA, Puan Nordiran Idris, yang menekankan kepentingan program ini dalam memperkasa kefahaman Islam dan pembangunan sahsiah peserta. Tamrin ini bertujuan untuk melahirkan individu yang berilmu, berdisiplin, dan berakhhlak tinggi selaras dengan misi SALWA dalam membentuk komuniti yang lebih cemerlang. Program ini turut melibatkan pelbagai aktiviti pembelajaran dan bimbingan rohani bagi peserta.



KULIAH PAGI ANJURAN SALWA MALAYSIA

25 Januari 2025 – SALWA MALAYSIA telah menganjurkan Program Kuliah Pagi bertajuk "Segarkan Kembali Hidupmu" secara atas talian. Kuliah ini disampaikan oleh Datin Rohana Arshad, Tokoh Dakwah SALWA 2024, yang berkongsi ilmu dan motivasi untuk memperbaharui semangat hidup melalui pendekatan Islam.

Program ini mendapat sambutan yang menggalakkan, dengan penyertaan dari pelbagai lapisan masyarakat yang ingin memperkuuh kefahaman agama dan meningkatkan kesejahteraan diri. Kuliah ini merupakan sebahagian daripada usaha SALWA MALAYSIA dalam menyebarkan dakwah dan membimbing komuniti ke arah kehidupan yang lebih bermakna.

*Kuliah Pagi
Segarkan Kembali
Hidupmu*

Datin Rohana
Binti Arsyad
Tokoh Dakwah SALWA 2024



Sabtu
25 Januari 2025/
25 Rejab 1446H
7:30pg-8.30pg

Zoom:
Meeting ID: 898 8444 2247
Passcode: 810492

Pertubuhan SALWA Malaysia
  Salwa Malaysia

MAJLIS BACAAN YASSIN DAN TAHLIL SALWA

17 Januari 2025 – SALWA MALAYSIA dan SALWA Negeri Sembilan telah menganjurkan Majlis Bacaan Yassin dan Tahlil bertempat di Tahfiz Asnaf SALWA. Majlis ini dianjurkan oleh Tuan Suhaire dari Flat Seroja dan dihadiri oleh anak-anak Tahfiz Asnaf SALWA serta ahli-ahli pertubuhan.

Majlis ini bertujuan untuk mempererat ukhuwah serta mendoakan kesejahteraan umat Islam. Bacaan Yassin dan tahlil dipimpin oleh para pelajar tahfiz, diikuti dengan doa selamat. Program ini mencerminkan komitmen SALWA dalam memartabatkan nilai keagamaan dan kebajikan dalam masyarakat.



PERMATA AL-QURAN SALWA

Flat Paroi, 27 Januari 2025 – Program Permata Al-Quran SALWA telah diadakan dengan jayanya di Flat Paroi, membawa semangat keilmuan dan kebajikan kepada komuniti setempat.

Sebagai sebahagian daripada program ini, penyerahan Iqra dan Al-Quran serta pakaian baharu kepada anak-anak Permata Al-Quran SALWA telah disempurnakan oleh Ustazah Rahimi Shaari, Ketua Teras Pembangunan Komuniti SALWA. Program ini bertujuan untuk menyemai kecintaan terhadap Al-Quran serta menyantuni anak-anak yang terlibat dalam pembelajaran agama.

Majlis ini mencerminkan usaha berterusan SALWA dalam membangun komuniti yang berilmu dan berakhlik selaras dengan nilai-nilai Islam.



PROGRAM BULANAN

Kelas
Afala Yatadabbarun al-Qur'an
SIRI 16

9 JANUARI 2025 (KHAMIS)

9.30 – 11.00 PAGI

DEWAN KULIAH ANJUNG RAHMAT,
SG. MERAB, BANGI

Ustaz Mohd Naim
Mohd Noor
Exco Wadah Malaysia

KELAS AFALA YATADABBARUNAL QUR'AN MINGGU 1 & MINGGU 3 SETIAP BULAN

TERBUKA

Usrah
Anjung Rahmat

Meeting ID: 850 9952 2438
Passcode: 016031

Pakej 'A':
Tafsir & Tarbiyah
ruhiyyah

Untuk info lanjut, hubungi 013-716 7036/ 018-231 0643

USRAH ANJUNG RAHMAT HARI KHAMIS SETIAP MINGGU



USRAH STAF SEKRETARIAT WADAH PUSAT HARI JUMAAT SETIAP MINGGU

BICARA AD-DIN
Ustaz Ismail Che Ku Kupasan Kitab
Siri 266

Hikmah 168:
“Apa yang Berlaku
Atas Kehendak Allah”

Kitab Hikam Ibn
A'taillah As Sakandari
Jam 4:00 Petang

9 Januari 2025 | Khamis

Ustaz Ismail Che Ku
Ahli Persatuan Wadah Pencerddaan Umat Malaysia

LIVE YouTube Live Siaran langsung di WAPTv Malaysia

BICARA AD-DIN HARI KHAMIS SETIAP MINGGU

Usrah Ilmuwan - Siri 199

SAINS UKHUWAH : DI MANA TAHAP ANDA?
“Science of Brotherhood: What is Your Status?”

13 Januari 2025 (ISNIN) | 09:00 - 10:00 MALAM
#IlmuwanTerasKharyaUmmah

Dato' Prof. Dr. Kamarulazizi
Pengerusi,
Kluster Sains dan Pembangunan Masyarakat
Nadwah Ilmuwan ABIM.

Pembicara:
Dato' Prof. Dr. Kamarulazizi |
Pengerusi,
Kluster Sains dan Pembangunan Masyarakat
Nadwah Ilmuwan ABIM.

IVE di : www.facebook.com/mywaptv | www.youtube.com/user/waptvmy | www.facebook.com/wadahpencerddaanummat

USRAH ILMUWAN HARI ISNIN SETIAP MINGGU

مسرہ مایا

USRRAH MAYA
WADAH PUSAT

USRAH WADAH PUSAT HARI SELASA SETIAP MINGGU

PROGRAM BULANAN



**MAJLIS BACAAN AL-MATHURAT
AL-KUBRA**
HARI AHAD SETIAP MINGGU

BICARA HADITH 40
HARI RABU SETIAP MINGGU



KELAS PENGAJIAN AL-QURAN
HARI